

22/09/1998

MT Umno tentukan langkah tambahan

KUALA LUMPUR, Isnin - Mesyuarat khas Majlis Tertinggi (MT) Umno petang ini memutuskan langkah tambahan bagi meyakinkan rakyat berhubung langkah penahanan Datuk Seri Anwar Ibrahim mengikut Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA).

Menurut seorang pegawai, mesyuarat selama satu jam setengah di Jabatan Perdana Menteri itu membincangkan kedudukan Anwar dan tindakannya sejak dipecat daripada Kabinet dan parti awal bulan ini.

"Mesyuarat itu membincangkan soal Anwar, tindakannya dan apa yang perlu dilakukan oleh Umno untuk meredakan ketegangan yang wujud sekarang.

"Langkah tambahan perlu untuk meyakinkan rakyat," katanya ketika ditemui selepas mesyuarat itu, petang ini.

Difahamkan, semua anggota MT Umno menghadiri mesyuarat yang dipengerusikan oleh Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad itu, kecuali Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi dan Datuk Seri Rafidah Aziz, yang kini di luar negara.

(END)